

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA SISA BESI

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Penyebutharga **DIWAJIBKAN** menyebutharga bagi kesemua 354 unit peralatan ICT tersebut.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sekurang-kurangnya 5% daripada **HARGA TAWARAN SYARIKAT** untuk 354 unit peralatan ICT tersebut. Pembayaran perlu dibuat di **Jabatan Kewangan (Tingkat 4), Majlis Perbandaran Klang**. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk **wang tunai/ kiriman wang/ wang pos/ draf bank atau Cashier's Order sahaja atas nama YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaanya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan dan urusan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya adalah dibawah tanggungjawab pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
9. Deposit sebutharga akan dipulangkan kepada penyebutharga yang tidak berjaya dalam tempoh 14 hari selepas surat setujuterima dikeluarkan.
10. Pembeli perlu membawa Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang 221008 (Lesen Jabatan Alam Sekitar bagi pelupusan dan perawatan buangan terjadual) dan kod bidang 221902 (Membeli Barang Lusuh dan perlu Permit PDRM) serta salinan surat pendaftaran tersebut.